

PENDEKATAN BIMBINGAN RUKUN SOLAT MURID TAHUN EMPAT MENGGUNAKAN KAEDAH MNEMONIK BERBANTUAN MULTIMEDIA

Oleh

AMY SHARIMIE BINTI SARIPUDIN
amysha89@gmail.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meninjau pendekatan bimbingan rukun solat menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia untuk membantu murid melaksanakan solat dengan betul dan sempurna. Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid Tahun Empat Biru SK Ratu yang mempunyai tahap pencapaian belum menguasai Rukun Solat dalam Kem Bestari Solat yang dilaksanakan di sekolah. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data yang diperoleh dikumpulkan dan dianalisis dari segi kandungan dan pola. Triangulasi masa dan triangulasi sumber digunakan untuk menyemak data. Hasil analisis data mendapat kedua-dua peserta kajian telah menunjukkan perkembangan positif dari segi penguasaan terhadap tiga belas Rukun Solat menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia.

Kata kunci : Rukun Solat, kaedah mnemonik, bahan multimedia, Kem Bestari Solat, bimbingan solat.

ABSTRACT

This action research was carried out to see how guidance approach in prayers by using mnemonic method with the help of multimedia aids students to perform prayers properly and perfectly. Participants consist of two students from Year Four Biru SK Ratu who have not mastered the Prayer's Pillars through "Kem Bestari Solat" implemented in the school. Data is collected through observations, interviews and document analysis. Obtained data are collected and analyzed in terms of the contents and the patterns. Time triangulation and sources triangulation are used to check the data. The result of the analysis found that the two participants in the study showed a positive development in terms of mastery of the Thirteen Prayer's Pillars by using mnemonic method with the help of multimedia.

Keywords: Pillars of Prayer, mnemonic methods, multimedia, Kem Bestari Solat, prayer guidance.

PENGENALAN

Refleksi Pengalaman Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan

Saya telah menjalani praktikum sesi ketiga selama sebulan yang lalu bermula pada 31 Januari 2012 sehingga 8 Mac 2012. Sepanjang lebih kurang sebulan menjalani praktikum, saya telah diamanahkan untuk mengajar bidang Pendidikan Islam untuk murid-murid tahun 4 Bestari. Murid di dalam kelas ini seramai 35 orang murid yang terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan. Semasa saya melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berkaitan dengan Rukun Solat, terdapat beberapa murid sukar untuk menentukan 13 perkara dalam Rukun Solat. Soalan-soalan secara lisan telah diajukan kepada mereka, dan mereka tidak

dapat menjawab dengan betul. Semasa menjawab soalan, murid cuba berfikir dan mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan serta meminta bantuan rakan lain untuk memberikan jawapan. Keadaan sama juga berlaku semasa murid melaksanakan aktiviti lembaran kerja berkenaan diedarkan oleh saya. Murid-murid dilihat termenung dan cuba mengimbas kembali isi pelajaran yang diajar kepada mereka. Murid cuba berbincang dengan rakan untuk mendapatkan jawapan.

Melalui pemerhatian yang dibuat, murid tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul dengan alasan tidak ingat atau lupa. Murid tidak dapat menyusun Rukun Solat dengan betul dan tepat. Di samping itu juga, murid-murid kelihatan keliru antara susunan 13 perkara dalam Rukun Solat. Situasi yang berlaku semasa sesi soal jawab dan aktiviti lembaran kerja berulang pada sesi pengukuhan kognitif di akhir sesi pengajaran dan pembelajaran. Mengikut Gagne (1985), kemahiran-kemahiran di mana murid dapat mengawal dengan sendiri proses-proses dalaman, iaitu memberikan perhatian, belajar, mengingat dan memikir sesuatu.

Apabila melihat situasi sebegini, saya perlu bertanggungjawab untuk memperbaiki tahap penguasaan murid dalam bidang ibadah ini terutama amali solat. Tajuk solat merujuk kepada rukun solat secara tertib agar murid tidak terkeliru dan dapat membezakan antara syarat dan rukun dalam solat. Bagi meningkatkan penguasaan murid-murid, saya telah membanding beza beberapa bentuk kaedah yang sesuai dengan tahap kecerdasan murid-murid. Menurut Gardner (1983), konsep kecerdasan pelbagai cara untuk tahu, belajar dan melahirkan apa-apa yang diketahui.

Sehubungan itu, pada pengamatan saya, masalah ini harus diselesaikan dengan menggunakan kaedah bimbingan yang mudah dan strategi mengingat kembali apa yang telah dipelajari. Strategi mengingat boleh dibuat melalui penggunaan mnemonik, kata kunci dan pemetaan konsep serta penyusun awal (Tan et al., 2003; Woolfolk, 2004). Maka saya memilih kaedah mnemonik berbantuan multimedia sebagai medium untuk membimbing murid dalam mengamalkan Rukun Solat dengan sempurna. Kaedah ini juga dapat membantu memori murid menyimpan maklumat dan diaplikasikan untuk pelbagai tajuk yang dipelajari dalam tempoh jangka masa panjang.

Fokus Kajian

Kajian ini berfokus kepada meningkatkan penguasaan murid terhadap 13 perkara Rukun Solat secara tertib melalui kaedah mnemonik. Penekanan aspek ibadah ini adalah selaras dengan tujuan utama kehidupan seorang muslim yang berkait rapat dengan pokok asas kepada Pendidikan Islam.

Saya memfokuskan kaedah mnemonik ini kepada teknik akronim dan akrostik dengan kata kunci dalam pembelajaran bidang ibadah Rukun Solat. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan ingatan, malah sangat membantu dalam menguasai sesuatu perkara rumit. Selain itu, meningkatkan proses mengingat fakta-fakta yang banyak dan serta menambah input ingatan, mengurangkan tekanan minda meluaskan skop ingatan dalam kadar yang maksima.

Di samping itu, kaedah disampaikan menggunakan bahan bantu mengajar multimedia yang berbentuk gambar berwarna, paparan grafik, audio dan video. Menurut Kamarul Azmi & AB Halim (2007), penggunaan teknologi dapat menoptimumkan proses pengajaran dengan lebih berkesan lagi. Teknologi komputer merupakan revolusi yang membuka dimensi baru dalam kaedah penyampaian maklumat. Keistimewaan dan kelebihan aplikasi multimedia berbanding kaedah pengajaran tradisional kerana mampu mempersembahkan maklumat dalam bentuk lebih menarik.

Objektif Kajian

Membimbang murid untuk menentukan 13 perkara dalam Rukun Solat secara tertib agar murid dapat melaksanakan solat dengan sempurna menggunakan kaedah mnemonik yang berbantuan multimedia.

- a) Mengenal pasti tahap pencapaian murid dalam menentukan 13 perkara Rukun Solat melalui penggunaan kaedah mnemonik berbantuan multimedia.
- b) Mengenal pasti tahap perubahan tingkah laku murid dalam pengamalan tiga belas perkara rukun solat melalui kaedah mnemonik berbantuan multimedia.

Persoalan Kajian

- a) Adakah murid dapat menentukan 13 perkara Rukun Solat melalui penggunaan kaedah mnemonik berbantuan bahan multimedia?
- b) Apakah tahap perubahan tingkah laku murid dalam pengamalan tiga belas perkara Rukun Solat melalui kaedah mnemonik berbantuan multimedia?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

FASA	PENJELASAN	TINDAKAN
1	<p>Sesi pengajaran dan pembelajaran bidang Ulum Syariah menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia bagi tajuk Rukun Solat iaitu:</p> <p>Rukun Solat ialah: perkara yang sebahagian daripada solat dan bergantung kepadanya sah solat itu. Solat secara amnya mempunyai tiga belas rukun yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu rukun <i>qalbi</i>, <i>fī'lī</i> dan <i>qaūlī</i>.</p>	Lembaran kerja Pemerhatian Temu Bual
2	<p>Sesi pengajaran dan pembelajaran bidang Ulum Syariah dengan langkah perkembangan pengajaran mengandungi aktiviti tunjuk cara rukun-rukun solat secara tertib.</p>	Lembaran kerja Catatan pemerhatian

Sesi pengajaran dan pembelajaran bidang Ulum Syariah menggunakan kaedah mnemonik dalam mengingat rukun-rukun solat secara tertib.	Lembaran kerja Pemerhatian Temu bual
3 Mnemonik Rukun Solat : <ul style="list-style-type: none">o Niato Takbiratul Ihramo Berdiri betul.o Surah Al-Fatihaho Rukuko Iktidalo Duduk di antara dua sujudo Duduk Tahiyat Akhiro Bacaan Tahiyat Akhiro Selawato Salamo Tertib.	

**Neneh Tak Bawa Bom Roket Itu Sebab Dapat Tahu
Boleh Sakit Sampai Tua.**

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian saya ini adalah terbatas kepada 2 orang murid berumur 10 tahun daripada kelas tahun 4 Biru, Sekolah Kebangsaan Ratu yang dipilih berdasarkan pencapaian prestasi di dalam kelas. Mereka terdiri daripada seorang murid lelaki yang bernama Adam (nama samaran) dan seorang murid perempuan yang bernama Hawa (nama samaran). Saya mengambil keputusan untuk menjalankan kajian hanya ke atas 2 orang murid ini sahaja kerana mereka ini merupakan murid yang mempunyai aras sederhana dan mencapai tahap belum menguasai dalam rekod Kem Bestari Solat tetapi mampu mencapai peningkatan yang maksima sekiranya diberi bimbingan berterusan. Selain itu, mereka juga merupakan ketua dan penolong ketua kelas, maka dengan bakat kepimpinan tersebut akan dapat menarik minat murid lain untuk mencontohi mereka menunaikan solat dengan sempurna. Saya ingin menilai keberkesanan kaedah mnemonik ini bagi 2 orang murid tersebut dalam mempelajari tertib 13 perkara Rukun Solat.

Teknik Mengumpul Data

a) Pemerhatian

Muhammad Hazman (2009) menyatakan bahawa pemerhatian merupakan satu teknik pengutipan data dengan memerhati tingkah laku subjek kajian secara langsung. Pemerhatian dilakukan dengan merekod butiran catatan melalui nota atau sebagainya tentang situasi yang berlaku di dalam bilik darjah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Saya memilih pemerhatian sebagai salah satu daripada cara pengumpulan data kerana ianya bersifat langsung dan terus dan saya juga dapat memaksimumkan pengumpulan data dalam konteks. Saya akan membuat pemerhatian berdasarkan aktiviti pembelajaran yang saya laksanakan. Saya juga akan menggunakan catatan

pemerhatian dan juga refleksi daripada pemerhatian yang telah dibuat sebagai bukti dapatan yang akan menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

b) Analisis Dokumen

Tujuan meninjau dokumen adalah untuk mengutip data atau maklumat berguna daripada dokumen-dokumen yang dikaji. Dokumen boleh membekalkan maklumat berkaitan dengan isu atau masalah yang diselidiki. Ia merupakan bahan penting untuk memahami tujuan, rasional dan keberkesanan kaedah yang digunakan.

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada guru kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada. Antara dokumen yang telah saya gunakan ialah lembaran kerja, sukanan pelajaran dan huraian sukanan pengajaran tahun 4, buku rancangan mengajar harian, buku teks Pendidikan Islam Tahun 4 jilid 2, rekod Kem Bestari Solat serta gambar.

c) Temu Bual

Temubual atau temu ramah adalah suatu teknik yang amat berkesan untuk meninjau persepsi seseorang, termasuk pemikiran, sikap, nilai dan pendapatnya. Melalui temubual, penyelidik dapat memahami mengapa seseorang yang diperhati menunjukkan perlakuan tertentu. Temu bual ditakrifkan sebagai pertemuan antara penyelidik dengan peserta kajian, dengan penyelidik bertanyakan siri soalan yang relevan dengan fokus kajian mengikut Ackroyd & Hughes (1992). Saya telah menggunakan dua jenis temu bual iaitu berstruktur dan tidak berstruktur. Temu bual berstruktur merujuk kepada soalan-soalan yang ditujukan telah dirancang secara rapi dan teratur supaya respons yang spesifik diperolehi. Manakala temu bual tidak berstruktur ialah memulakan dengan suatu rangsangan umum, sasaran dikaji digalakkan memberi respons secara bebas, soalan-soalan lanjutan dirangka mengikut keperluan semasa.

Teknik Menganalisis Data

Teknik menganalisis data yang saya gunakan adalah analisis kandungan dan analisis pola. Pertama, saya menggunakan analisis kandungan semasa menganalisis data yang dikumpul melalui pemerhatian, data berbentuk dokumen dan temu bual. Menurut Burns (1995), analisis kandungan merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam penganalisisan data kualitatif. Saya telah menganalisis kandungan nota lapangan bagi setiap sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dilaksanakan. Rajah 1 ialah contoh analisis kandungan nota lapangan P&P saya pada 2 Jun 2012 dan seterusnya pengekodan masalah murid ditunjukkan pada Jadual 1.

Catatan Pemerhatian :


Adam datang ke Makmal Komputer dengan beg pensel dalam tangannya. (kelihatan sudah bersedia untuk menjawab lembaran kerja bertulis yang akan diberikan). Semasa menjawab soalan menomborkan Rukun Solat mengikut tertib, Adam terkilai-kial dalam mengingat susunan Rukun Solat dengan betul. Maka, saya mengingatkannya agar menggunakan kaedah mnemonik untuk mengingat semula tertib 13 perkara Rukun

Rajah 1. Sedutan pemerhatian yang dicatatkan dalam nota lapangan.

Bil	Masalah	Nama Murid	Lembaran Kerja	Kod
1	Keliru dengan kedudukan tertib Rukun Solat.	Adam Hawa	Pertama Pertama	1/A/1 1/H/1

Jadual 1: Pengekodan Masalah Murid.

Selain itu, saya juga mengekodkan masalah yang timbul dengan mencatatkan label pada gambar yang telah diambil. Rajah 2 menunjukkan gambar yang diambil semasa Adam melakukan rukuk dalam solat, manakala Jadual 2 menunjukkan cara saya mencatatkan hasil analisis gambar dan nota lapangan.




Rajah 2. Adam sedang rukuk.

Nama murid	Kategori masalah	Alat pengumpulan data	Foto/ Muka surat	Baris
Adam	Kedudukan belakang badan tidak betul semasa rukuk.	Gambar Nota lapangan	2 1	/ 3

Jadual 2: Analisis Gambar Dan Nota Lapangan.

Selain itu, data temu bual saya dengan guru j-QAF dianalisis untuk mengkaji kesilapan yang telah dilakukan oleh murid. Analisis ini dijalankan setiap kali sesi temu bual. Salah satu contoh analisis kandungan temu bual seperti dalam Rajah 3 dan Jadual 3 ditunjukkan analisis temu bual.



Rajah 3: Sedutan Temu Bual Bersama Adam Dan Hawa.

Bil	Nama murid	Penguasaan kaedah mnemonik	Catatan

		Ya	Tidak
1	Adam	✓	
2	Hawa	✓	

Jadual 3: Analisis Temu Bual.


Apabila saya telah mengekodkan maklumat penting dalam data yang saya perolehi, saya menganalisis pola hasil tindakan untuk mencari kesignifikan pola. Saya mengenal pasti sumber data yang menunjukkan ukuran kemajuan. Seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.

Nama Murid	Lembaran kerja 1	Lembaran kerja 2	Lembaran kerja 3
Adam	5	9	13
Hawa	5	8	13

Jadual 4: Jumlah Jawapan Betul Untuk Lembaran Kerja.

Teknik Menyemak Data

Dalam cara penyemakan data, saya telah menggunakan teknik triangulasi data untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data saya. Menurut Merriem (1998), kebolehpercayaan menggambarkan situasi di mana sesuatu dapatan dalam sesuatu penyelidikan mempunyai replikasi sekiranya penyelidikan dilakukan dalam situasi yang sama. Saya memilih triangulasi sumber dan triangulasi masa sebagai teknik penyemakan data. Bagi triangulasi sumber, saya membuat perbandingan cara semakan saya dengan rakan sepraktikum. Rajah 4 menunjukkan cara semakan saya pada lembaran kerja berlainan dengan rakan sepraktikum saya.



Rajah 4: Perbandingan Cara Semakan Saya Dengan Rakan

Rajah 4 menunjukkan cara semakan rakan adalah menandakan betul dan salah pada nombor jawapan, manakala cara semakan saya adalah berbeza dengan rakan saya iaitu menandakan betul pada tepi nombor jawapan dan membuat pembetulan pada jawapan yang salah.

Selain itu, saya juga telah membincangkan kaedah mnemonik yang saya gunakan dengan Guru j-QAF selepas melihat kesan pelaksanaan tindakan saya. Menurut Rahardjo (2010), pandangan yang berbeza ini akan meluaskan pengetahuan dan memperoleh pendapat yang bernas. Sumber-sumber ini memberi bukti yang berbeza di mana ia selanjutnya akan menghasilkan pandangan yang berbeza. Transkrip temu bual saya dengan Guru j-QAF pada Rajah 4 menunjukkan triangulasi sumber berlaku.

Guru j-QAF:	Mereka menggunakan kaedah mnemonik yang awak ajarkan sewaktu kelas saya.
Saya	: Wah...baguslah!
Guru j-QAF	: Kaedah ini memudahkan mereka untuk mengingat fakta.
Saya	: Alhamdulillah, mereka mengaplikasikan kaedah ini dalam topik yang lain juga.

Rajah 4: Transkrip Temu Bual Dengan Guru J-QAF.

Untuk bahagian triangulasi masa pula, data-data yang diperoleh seperti hasil kerja murid untuk satu jangka masa yang panjang disemak. Saya mencetak hasil lembaran kerja murid yang belum disemak. Selepas dua bulan tamat praktikum 3, saya menunjukkan semula lembaran kerja tersebut kepada murid dan menanyakan sama ada jawapan yang diberi betul atau salah. Dengan menggunakan triangulasi masa, saya dapat menyemak data saya dan menentukan sama ada murid telah berjaya menguasai Rukun Solat secara tertib. Transkrip temu bual dalam Rajah 5 berikut jelas menunjukkan triangulasi masa di antara saya dengan Adam tentang lembaran kerjanya.

Saya	: Adakah ini jawapan kamu?
Adam	: (lihat sejenak) aok. (sambil menangguk kepala).
Saya	: rasanya kenapa boleh salah?
Adam	: salah ingat tertib Rukun Solat.
Saya	: jadi sekarang, macamana boleh ingat balik?
Adam	:saya ingat yang ustazah ajar Nenek Tak Bawa...(merujuk kaedah mnemonik)

Rajah 5: Transkrip Temu Bual Dengan Adam.

REFLEKSI


Refleksi Dapatkan

Adakah murid dapat menentukan tiga belas perkara Rukun Solat melalui penggunaan kaedah mnemonik berbantuan bahan multimedia?

Dalam kajian ini, saya telah mengenal pasti masalah Adam dan Hawa yang tidak menguasai tiga perkara dalam Rukun Solat secara tertib melalui lembaran kerja dan sesi soal jawab dalam temu bual sebelum kaedah mnemonik diperkenalkan. Saya juga telah merancang dan melaksanakan tindakan bagi membantu mengurangkan masalah tersebut. Kaedah mnemonik merupakan kaedah utama yang saya gunakan dalam kajian tindakan ini.

Saya menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia dalam menyampaikan pengajaran Rukun Solat kepada Adam dan Hawa. Rajah 6 Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/

menunjukkan carta bar peratusan markah yang diperolehi kedua peserta tersebut selepas tindakan yang telah saya laksanakan.



Rajah 6: Carta Peratusan Markah Yang Diperolehi Adam Dan Hawa.

Rajah 6 menunjukkan peningkatan pencapaian Adam dan Hawa yang telah berlaku setelah kaedah mnemonik berbantuan multimedia dilaksanakan secara berperingkat. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang tinggi antara kedua-dua peserta yang memperoleh markah penuh pada peringkat yang ketiga.

Pada peringkat permulaan kaedah mnemonik ini diperkenalkan, murid masih belum dapat mengikuti secara berkesan. Maka, Adam dan Hawa menunjukkan peratusan markah yang agak rendah berbanding markah yang mereka peroleh sebelum kaedah dilaksanakan iaitu 38% sahaja. Selepas berpengalaman menggunakan kaedah menemonik ini, kedua peserta kajian berpendapat kaedah tersebut lebih mudah digunakan untuk menentukan tiga belas perkara Rukun Solat yang dipelajari.

Semasa peringkat kedua yang menggunakan kaedah mnemonik Adam mengalami peningkatan markah sebanyak 46%, manakala Hawa mencatatkan peningkatan markah sebanyak 69%. Keputusan ini menunjukkan kedua-dua peserta mulai faham dan seronok menggunakan kaedah mnemonik tersebut walaupun masih terdapat kesalahan dalam menomborkan secara tertib tiga belas Rukun Solat itu.

Pada peringkat ketiga pula, Adam dan Hawa telah menunjukkan peningkatan markah mendadak apabila masing-masing mencatatkan anjakan 100%. Keputusan akhir ini telah menjawab persoalan kajian saya iaitu ya, murid dapat menguasai tiga belas Rukun Solat melalui penggunaan kaedah mnemonik berbantuan bahan multimedia.

Apakah Tahap perubahan tingkah laku murid dalam pengamalan tiga belas perkara Rukun Solat melalui kaedah mnemonik berbantuan multimedia.

Dalam menjawab persoalan objektif kedua, iaitu perubahan tingkah laku murid dalam pengamalan tiga belas Rukun Solat melalui kaedah mnemonik berbantuan

multimedia, saya menggunakan instrumen pemerhatian bagi melihat peningkatan perilaku Rukun Solat murid semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung yang dirakamkan menggunakan kamera video.

Pemerhatian yang dilakukan adalah secara berstruktur iaitu dengan menggunakan borang pemerhatian perlakuan solat bagi merekod tingkah laku murid bagi setiap fokus pemerhatian yang diperhatikan.

Pemerhatian ini dilaksanakan selama empat minggu kajian dijalankan.Jadual 5 menunjukkan analisis data borang pemerhatian perilaku solat.

Kod	Fokus pemerhatian	Peringkat pertama		Peringkat kedua		Peringkat ketiga	
		A	H	A	H	A	H
1	Berdiri dengan betul	√	√	√	√	√	√
2	Kedudukan tangan semasa takbir	✗	✓	✓	✓	✓	✓
3	Kedudukan tangan semasa berdiri betul	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4	Rukuk	✗	✗	✓	✓	✓	✓
5	I'tidal	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6	Sujud	✓	✓	✓	✓	✓	✓
7	Duduk di antara dua sujud	✗	✓	✗	✓	✓	✓
8	Duduk Tahiyat awal	✗	✗	✗	✗	✓	✓
9	Duduk Tahiyat akhir	✗	✗	✗	✗	✓	✓
10	Salam	✓	✓	✓	✓	✓	✓
11	Toma'ninah	✗	✗	✓	✓	✓	✓
12	Tertib	✗	✗	✓	✓	✓	✓

Jadual 5: Analisis Data Borang Pemerhatian Perlakuan Dalam Solat.

Berdasarkan Jadual 5 menunjukkan analisis data borang pemerhatian perlakuan Adam dan Hawa dalam solat semasa sesi P&P dijalankan menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia.Mereka melakukan semula pergerakan dalam solat yang ditunjukkan melalui multimedia yang dipaparkan dengan bimbingan saya sebagai guru.

Pada peringkat pertama sesi pemerhatian dijalankan, Adam dan Hawa dapat menunjukkan keadaan berdiri yang betul semasa melakukan solat.perlakuan ini berjaya dilakukan oleh kedua-kedua peserta kajian sehingga peringkat ketiga melalui pengalaman pembelajaran Rukun Solat yang telah saya ajarkan. Namun, kedudukan tangan Adam ketika takbir menunjukkan Adam keliru kedudukan tangan lelaki perlu melepas bahu dan berada di paras telinga, sebaliknya Hawa dapat menunjukkan kedudukan tangan ketika takbir dengan baik sehingga peringkat yang

Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/

ketiga.Berdasarkan pengalaman pembelajaran menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia tersebut.Adam telah menunjukkan prestasi yang baik pada peringkat kedua dan ketiga dengan kedudukan tangan yang betul semasa mengangkat takbir.

Seterusnya, fokus pemerhatian terhadap kedudukan tangan mereka semasa berdiri dengan betul iaitu ketika membaca Surah Al-Fatiha dan sebuah surah yang lain. Kedua-kedua peserta kajian menunjukkan kedudukan tangan yang betul sehingga ke peringkat yang ketiga.

Semasa melakukan gerakan rukuk pula, Adam dan Hawa telah menunjukkan perlakuan rukuk yang tidak betul pada peringkat pertama P & P, sehinggalah peringkat ketiga P & P dijalankan berdasarkan pengalaman pembelajaran Rukun Solat yang disampaikan melalui kaedah mnemonik berbantuan multimedia ini mereka berdua telah menunjukkan perlakuan rukuk yang betul. Perlakuan i'tidal dan seterusnya sujud dapat dilakukan dengan baik oleh kedua-kedua peserta semasa pelaksanaan solat.Saya turut membimbing perlakuan tersebut dengan membetulkan kedudukan kaki dan tangan mereka semasa sujud.

Namun demikian, berdasarkan pemerhatian saya, mereka menunjukkan masalah apabila perlakuan duduk di antara dua sujud, duduk tahiyyat awal dan akhir menimbulkan kekeliruan pada kedua-kedua peserta kajian daripada peringkat yang pertama sehingga peringkat yang kedua.Tetapi menunjukkan prestasi positif pada peringkat yang ketiga setelah menguasai kaedah mnemonik berbantuan multimedia dalam pembelajaran Rukun Solat.

Seterusnya, perilaku salam pula dapat dilakukan dengan baik oleh kedua-dua peserta dengan memberi salam pertama dengan lafaz,

"Assalamualaikum warahmatullah"

Namun toma'ninah gagal ditunjukkan oleh Adam dan Hawa pada peringkat pertama.Pemerhatian yang kedua dan ketiga kedua-dua peserta dapat menunjukkan perilaku toma'ninah dengan sempurna.

Dalam fokus pemerhatian yang dibuat, perkara yang terakhir yang dilihat ialah tertib Rukun Solat yang dilakukan secara urutan.Adam dan Hawa dilihat masih keliru pada peringkat pertama tertib solat apabila pergerakan antara sujud, duduk di antara dua sujud serta duduk tahiyyat awal dan akhir tidak dilakukan secara tertib.Setelah menguasai Rukun Solat melalui kedah mnemonik tersebut.Mereka dapat melaksanakan solat dengan Rukun Solat yang sempurna dengan tertib.

Refleksi Penilaian tindakan

Setelah tiga peringkat P&P yang dijalankan dengan menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia, saya dapat terdapat perkembangan positif Adam dan Hawa yang menunjukkan minat mendalam terhadap pembelajaran Rukun Solat yang disampaikan. Mereka juga mengamalkan solat di rumah walaupun masih terdapat beberapa kelemahan dalam pergerakan solat mereka pada peringkat pertama dan kedua pemerhatian dilaksanakan.Kelemahan mereka dapat diatasi dengan bimbingan Rukun Solat menggunakan kaedah mnemonik berbantuan multimedia.

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pendekatan bimbingan yang digunakan sesuai dalam membantu murid mengerjakan solat dengan sempurna. Menurut Muhammad Munir (1999), solat merupakan satu bentuk peribadatan yang sangat berpotensi untuk membentuk peribadi seseorang. Sebagaimana firman S.W.T :

الْمُنَكَرُ الْفَحْشَاءِ عَنِ تَنَاهِي الصَّلَاةِ إِنَّ

Maksudnya : Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan keji) dan mungkar. (Surah Al-Ankabut, ayat 45)

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Saya mendapati bahawa pengalaman saya sepanjang melaksanakan penyelidikan tindakan amat bernilai kerana tugas sebagai Guru Pendidikan Islam amat berat iaitu memastikan murid bukan sahaja dapat melaksanakan solat dengan sempurna mengikut tertib tetapi juga membentuk akhlak mahmudah dalam diri mereka. Saya juga dapat menambah baik amalan profesionalisme dalam aspek perguruan melalui bimbingan yang dijalankan secara intensif terhadap Adam dan Hawa.

Selain itu, sepanjang menjalankan penyelidikan tindakan ini, saya menyedari bahawa saya perlu lebih peka dan prihatin terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak didik saya terutama dalam pengamalan bidang ibadah yang berkaitan dengan Rukun Islam khususnya. Keprihatinan terhadap sesuatu masalah ini amat perlu bagi memastikan murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran dan penghayatan kepada pengamalan ibadah yang ditunaikan.

Di samping itu juga, amalan profesionalisme saya dalam P&P Pendidikan Islam ditambaik baik untuk membina identiti sebagai seorang guru yang mempunyai sifat mesra dan empati terhadap murid. Guru juga perlu profesional dalam menjalankan tugas sehariannya sebagai pendidik yang berkesan. Oleh itu, saya telah menunjukkan kesungguhan dan semangat yang tinggi untuk membimbangi murid agar berminat dengan pengajaran yang saya sampaikan.

Melalui penyelidikan tindakan ini juga, meningkatkan pengetahuan saya terhadap bidang pendidikan melalui pembacaan buku-buku ilmiah untuk mendapatkan rujukan yang maksimum. Selain itu, saya banyak merujuk artikel-artikel serta jurnal-jurnal penyelidikan bagi mendapatkan maklumat tambahan serta input berkaitan bagi membantu saya dalam penyelidikan tindakan dan juga amalan profesional saya sebagai seorang guru.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Bagi mengelakkan permasalahan solattidak sempurna dalam kalangan murid berlarutan, kajian perlu diteruskan dengan mengukuhkan lagi penguasaan Rukun Solat ini dari segi Rukun Qauli (lisan) dan Rukun Fi'li (pergerakan). Perkara ini perlu diberi perhatian khusus kerana solat merupakan ibadah wajib setiap muslim dan perlu dititikberatkan sejak kecil lagi kerana amat penting sebagai penghayatan terhadap pembinaan jati diri murid yang soleh dah solehah. Ditegaskan oleh Asmawati dan Lukman (2009), solat merupakan keperluan asas bagi pengisian rohani yang perlu dipelihara oleh setiap muslim. Pelaksanaan solat yang ikhlas dan tawadduk pasti memberi impak positif terhadap pembangunan insan yang seimbang dan harmonis.

Selain itu, kajian ditingkatkan lagi terhadap pelaksanaan solat secara berjemaah, solat-solat sunat rawatib, solat sunat hajat dan tahajjud. Sebagaimana dijelaskan dalam sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud:

“Sembahyang tiang agama, barang siapa yang meninggalkannya bermakna meruntuhkan agamanya.”(Riwayat Baihaqy dari Ikramah)

SUMBER

Al-Quran Al-Karim
Al-Hadis Al-Nabawiyah

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. 2010. *Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berteraskan konsep Mu'allim*. dalam *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2 (1): 43-51
- Ahmad Mohd Salleh.(2008). *Siri Pendidikan Guru: Pengajian Agama Islam & j-QAF*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Asmawati Suhid & Lukman Abdul Mutalib.(2009). *Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Kem Bestari Solat*. Dalam *jurnal of islamic and arabic education* 1 (1) 15-28
- Burns, R. (1995). *The adult learner at work*. Sydney: Business and Professional Publishing.
- Gagné, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction* (4th ed.). New York, NY: Holt, Rinehart & Winston.
- Merriam, S.B. (1998): *Qualitative Research and Case Studies Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publications.
- Stephen Ackroyd and John A. Hughes (1992).*Data collection in context*.New York: Longman.